

# Pekadin sambut baik ketegasan isu kerajaan pelantikan Naib Canselor UMS

NST 3.6.2017 4

OLEH MARRYAN RAZAN

**KOTA KINABALU:** Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Kadazandusun Murut Sabah (PEKADIN) menyambut baik ketepatan dan ketegasan kerajaan negeri berhubung isu pelantikan naib canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Presiden Pekadin Luis Lidong berkata, langkah kerajaan negeri membincangkan perkara itu di peringkat kabinet negeri menunjukkan kerajaan sentiasa mendengar keluhan dan mengambil perhatian serta pandangan semua pihak termasuk ahli politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mahukan anak jati Sabah terus menerajui UMS.

Sambil menyifatkan langkah kerajaan Sabah sebagai langkah bijak, beliau berkata ia selaras dengan aspirasi Borneonisasi yang merupakan antara teras utama Perjanjian Malaysia 1963 yang menekankan agar anak tempatan yang layak, diberi peluang luas untuk mengepalai jabatan dan agensi kerajaan termasuk universiti di Sabah.

"Dalam hal ini, Pekadin menyokong penuh pendirian dan ketegasan kerajaan negeri dalam menangani isu ini," katanya, di sini kelmarin.

Luis berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Menteri Sabah Datuk

Seri Musa Aman pada Khamis bahawa beliau telahpun menyampaikan hasrat rakyat Sabah mengenai perkara itu kepada menteri yang bertanggungjawab di peringkat kerajaan pusat.

Musa juga dipetik sebagai berkata, bahawa kebimbangan berhubung isu bukan anak Sabah bakal mengambil alih jawatan Naib Canselor UMS telah dimaklumkan kepada menteri bertanggungjawab.

Musa berkata isu itu merupakan kepentingan bersama yang dibangkitkan banyak pihak, termasuk mereka dalam Barisan Nasional Sabah.

Menurut beliau, perkara tersebut telah dibawa ke Kabinet negeri untuk perbincangan dan semua bersetuju isu itu memerlukan perhatian menteri pendidikan tinggi.

Luis berkata Pekadin sependapat dengan pandangan pelbagai pihak termasuk ahli politik dan NGO yang sama-sama berjuang untuk mempertahankan hak-hak Sabah dalam Persekutuan Malaysia seperti yang dipersetujui dalam perjanjian 1963.

Beliau berharap isu pengganti naib canselor UMS dapat diselesaikan dengan baik dan meminta supaya isu itu tidak dipolitikkan.

"Kita serahkan kepada kementerian berkenaan untuk memutuskan perkara ini," katanya.